

# TIADA BEZA TENGGKOLOK, SERBAN



"Hanya Melayu tahu dirinya itu Melayu  
Hanya Melayu yang punya hati budi Melayu  
Hanya Melayu boleh jadi orang Melayu  
Hanya Melayu yang boleh jaga Melayu  
Hanya Melayu yang sayang warisan Melayu  
Hanya Melayu yang tahu hebatnya bangsa Melayu  
Oleh itu, banggalah kamu jadi Anak Melayu."

**D**emikian petikan kata-kata hikmah yang di kongsi oleh Pengarah Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif.

Berbicara mengenai kontroversi pemakaian tengkolok oleh rakyat biasa dalam aktiviti harian menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat dan cendekiawan.

Menurut Muhammad Pauzi, tidak salah rakyat abad 21 menggayakan tengkolok dalam aktiviti harian kerana ia adalah warisan dan jati diri milik kita.

"Tengkolok ialah pakaian tradisi Melayu. Kenapa pemakaiannya di larang dan dihalang,

ia bukan milik sesiapa ia kepunyaan kita. Sedangkan serban imej Timur Tengah bebas digayakan tanpa sebarang protokol?"

"Tengkolok ialah ikat kepala yang dipakai nenek moyang kita sejak berzaman lamanya, tetapi apabila anak muda

menggayakannya pada hari ini ia dikritik dan janggal pada mata masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, jati diri Melayu tidak wajar dilenyapkan dengan protokol tidak berasas.

"Kawan-kawan saya memakai baju Melayu bersama tengkolok setiap hari tanpa rasa malu malah mereka bangga. Tapi kena berpakaian kemaslah.

"Di Ladang Alam Warisan, Seri Menanti, Negeri Sembilan pemilik dan semua orang di situ memakai tengkolok. Mereka menunggang kuda, memanah dan beriadah dengan memakai tengkolok serta pakaian tradisional

Melayu setiap hari.

"Ini adalah keunikan dan keindahan bangsa Melayu, kita perlu tunjukkan kepada dunia bahawa kita bangga dengan warisan dan khazanah kita, buat apa nak malu? nak halang?" soalnya.

Malah menurut Muhammad Pauzi, beliau juga mengenakan smutar iaitu lilit kepala yang digayakan masyarakat di pantai timur setiap hari ketika bertugas di Muzium Warisan Melayu, UPM dengan penuh bangga.

"Smutar ini sama juga fungsi seperti

tengkolok dan tanjak tetapi ia lebih mahsyur di negeri di pantai timur.

"Hari ini orang lihat pemakaian aksesori lilit kepala ini sebagai satu kelainan, jarang sekali dipakai. Kalau dibudayakan ia akan jadi pakaian harian, tak ada salahnya. Orang kini tidak nampak warisan ini, sayang sekali," ujarnya.

Katanya, pengkritik itu sebenarnya tidak nampak identiti Melayu.

"Kenapa harus malu dan 'simpan' ini milik kita. Bila masa kita nak pakai tanjak, tengkolok? Takkan pada hari perkahwinan saja lepas itu dilupakan?" bidas beliau.

Sementara itu, Muhammad Pauzi menegaskan pakaian itu lambang bangsa, bahasa itu jiwa bangsa. Elemen ini yang akan memperkukuhkan lagi jati diri kita.

"Tengkolok dan pakaian tradisi lain cantik kalau digayakan sebenarnya cuma orang kita tidak tahu kaedah membudayakannya.

"Saya bangga jadi orang Melayu, dan saya harap semua orang Melayu rasakan perkara sama," katanya.